

25/03/2004

Pelajar nasib baik dapat bantuan: Dr Mahathir

KUALA LUMPUR: Pelajar Malaysia boleh dikategorikan sebagai golongan yang bernasib baik kerana ada banyak pihak di negara ini yang menyediakan bantuan kewangan untuk membolehkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata selain Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang membiayai sebahagian besar pelajar di institusi pengajian tinggi awam dan swasta, kerajaan negeri, yayasan, bank dan badan korporat turut memberi sumbangan untuk peningkatan ilmu.

"Dengan itu, siapa saja yang bercita-cita dan berkebolehan, boleh melanjutkan pengajian mereka," katanya pada Malam Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) 2004 di sini, malam tadi.

Majlis itu yang diadakan khas bagi mengenang jasa dan sumbangan Dr Mahathir kepada negara, termasuk bidang pendidikan, turut dihadiri isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Datuk Ambrin Buang dan Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat.

Pada majlis itu juga Dr Mahathir menerima sumbangan RM61,000 daripada sektor swasta bagi pihak YTAR.

Beliau juga turut menyampaikan Pingat Tunku 2004 kepada 11 graduan ijazah pertama dari 11 universiti awam yang tamat pengajian mereka tahun lalu dengan mendapat Kelas Pertama.

Dr Mahathir pernah menjadi Pengerusi YTAR antara 1974 hingga 1977 sewaktu menjadi Menteri Pelajaran dan beliau juga orang yang bertanggungjawab mengilhamkan majlis makan malam tahunan pada 1979 bagi mengutip dana yayasan berkenaan.

Beliau berbangga kerana walaupun tidak mendapat peruntukan kerajaan, kedudukan kewangan yayasan itu kukuh manakala bilangan pelajar yang mendapat pinjaman bertambah setiap tahun serta berupaya menukarkan pinjaman kepada biasiswa bagi peminjam yang lulus ijazah dengan Kelas Pertama.

Berikutan itu, beliau mencadangkan YTAR mewujudkan semula Biasiswa Tunku Abdul Rahman terutama dalam bidang sains teknologi.